



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 66 / 2019

KEJADIAN KERACUNAN MAKANAN PELAJAR POLITEKNIK BALIK PULAU, PULAU PINANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), menzahirkan rasa kesal, memohon maaf dan bersimpati atas kejadian yang telah menimpa para pelajar Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang.
2. SPR melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah menganjurkan Program Pendidikan Pengundi bersama Politeknik Balik Pulau pada 24 Julai 2019 bagi memberi pendedahan dan pendidikan tentang proses pilihan raya di Malaysia yang melibatkan seramai 207 pelajar. Pihak SPR telah melantik syarikat pembekal makanan tempatan bagi menyediakan makan tengahari kepada para pelajar, tenaga pengajar dan petugas SPR semasa program ini.
3. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Hospital Balik Pulau, seramai 85 orang pelajar telah disahkan mengalami keracunan makanan dan daripada jumlah ini, 84 orang telah menerima rawatan sebagai pesakit luar manakala seorang pelajar telah dimasukkan ke wad bagi rawatan lanjut.

4. Susulan kejadian ini, SPR telah dimaklumkan bahawa siasatan telah dimulakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bagi mengenalpasti punca kejadian.
5. SPR mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Hospital Balik Pulau, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Politeknik Balik Pulau dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menangani kejadian ini.
6. Para pelajar dan tenaga pengajar yang terlibat dinasihatkan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan sekiranya masih merasa tidak sihat dan terdapat tanda-tanda keracunan makanan.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 25 Julai 2019 / 22 Zulkaedah 1440H